

PRULink Asia Local Bond Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2021 melainkan jika dinyatakan

Ciri-ciri Dana

Objektif Dana	<p>PRULink Asia Local Bond Fund adalah dana yang diuruskan secara aktif dan berusaha memaksimumkan jumlah pulangan dengan melabur dalam pendapatan tetap atau sekuriti hutang yang diberi penarafan dan yang tidak diberi penarafan. Pada permulaan pertubuhannya, PRULink Asia Local Bond Fund akan melabur dalam subdana yang dikenali sebagai Eastspring Investments – Asian Local Bond Fund yang diuruskan oleh Eastspring Investments (Singapore) Limited. Subdana ini melabur dalam portfolio terpelbagai yang kebanyakannya terdiri daripada pendapatan tetap/sekuriti hutang yang diterbitkan oleh entiti-entiti Asia atau subsidiarinya. Portfolio Subdana kebanyakannya terdiri daripada sekuriti yang didominasi dalam pelbagai mata wang Asia. Dana ini kemudiannya boleh melabur dalam mana-mana dana bon PRULink yang lain yang mungkin disediakan pada masa akan datang atau secara tidak langsung melalui dana-dana bon yang lain.</p>
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p>Strategi Pelaburan Melabur dalam portfolio terpelbagai yang lazimnya terdiri daripada pendapatan tetap atau sekuriti hutang yang diberi penarafan dan yang tidak diberi penarafan melalui skema pelaburan kolektif terutamanya Eastspring Investments – Asian Local Bond Fund yang digabungkan di Luxembourg.</p> <p>Pendekatan Pelaburan Peluang pelaburan yang mengikut penilaian dalam bon atau kredit yang berdasarkan penilaian sejarah adalah dicipta melalui kitaran perniagaan:</p> <p>Pengurus Dana menggunakan pendekatan nilai untuk pelaburan yang konsisten untuk semua dana yang diurus. Pengurus Dana akan melihat nilai pelaburan sebagai proses harga-sensitif yang mengambil kesempatan penetapan harga aset yang salah yang berlaku akibat petukaran sentiment pelabur yang mendadak dan kadar faedah dalam jangka masa lebih panjang dan trend penyelerakan kredit di sekeliling kitaran ekonomi.</p> <p>Proses Pengurus Dana membenarkan mereka untuk mengambil kesempatan trend dalam kadar faedah dan penyelerakan kredit pada kitaran ekonomi yang naiknya dan turunya. Harga pasaran juga tidak selalunya memaparkan nilai asas kerana ia mungkin meluru terlalu banyak atau terlalu sedikit. Harga aset akan ditetapkan dengan salah apabila pelabur sanggup membayar harga yang tinggi untuk kesenangan hati dan kaitannya dengan kejayaan, tetapi sekuriti yang tidak popular akan dijual tidak kira nilainya. Kelakuan yang berat sebelah ini adalah simetrik dan boleh diambil kesempatan dengan pelabur yang disiplin dan dalam jangka masa panjang.</p> <p>Dalam mengurus portfolio Pendapatan Tetap Asian, Pengurus Dana akan memberi pulangan dengan nilai tambahan dari pengurusan tiga sumber utama, di mana faktor asas, teknikal dan penilaian akan diambil untuk pertimbangan.</p> <ul style="list-style-type: none">• Pertuntukan pasaran bon & strategi jangka masa• Strategi kredit• Strategi pengurusan mata wang
Peruntukan Aset	<p>Dana melabur sehingga 100% Dana NAV dalam Target Fund(s) yang ditentukan oleh Pengurus Dana. Dana NAV yang lebih akan dilabur ke dalam aset cair.</p>
Piawaian Prestasi	<p><i>Markit iBoxx ALBI ex-China Onshore ex-China Offshore ex-Taiwan Net of Tax Custom Index</i> Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari http://www.markit.com/product/iBoxx</p>
Pengurus Dana	<p>Eastspring Investments Berhad (531241-U)</p>

PRULink Asia Local Bond Fund


Semua data seperti pada 31 Disember 2021 melainkan jika dinyatakan

Yuran & Caj

Caj Pengurusan Dana	1.00% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

Prestasi Dana

PRULink Asia Local Bond Fund Vs. Markit iBoxx ALBI ex-China Onshore ex-China Offshore ex-Taiwan Net of Tax Custom Index



Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Year	Prestasi PRULink Asia Local Bond Fund	Piawaian Prestasi Markit iBoxx ALBI ex-China Onshore ex-China Offshore ex-Taiwan Net of Tax Custom Index
2012	6.11%	5.17%
2013	-1.52%	-0.66%
2014	11.10%	11.07%
2015	16.49%	17.41%
2016	7.29%	6.81%
2017	-0.75%	0.40%
2018	-0.37%	0.97%
2019	8.48%	8.47%
2020	6.28%	7.29%
2021	-4.27%	-2.98%

Sumber: Lipper IM and Bloomberg, 31 Disember 2021

PRULink Asia Local Bond Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2021 melainkan jika dinyatakan

Amaran: Ini hanya adalah prestasi dana pelaburan tersebut dan bukan pulangan dari sumbangan yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan itu.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left(\frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

Maklumat Tambahan untuk PRULink Asia Local Bond Fund

PRULink Asia Local Bond Fund dilabur ke dalam Eastspring Investments – Asian Local Bond Fund.

Pengurus dana Eastspring Investments – Asian Local Bond Fund adalah Eastspring Investments (Singapore) Limited.

Yuran pengurusan mungkin dikenakan ke atas Dana dan / atau Dana Sasaran. Mohon ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj maksima sebanyak 1.00%, sebagai caj pengurusan dana gabungan ke atas Dana dan Dana Sasaran. Dana Sasaran dengan strategi pelaburan yang melabur dalam Dana Dagangan Pertukaran ("ETF") atau Skim Pelaburan Kolektif lain yang mungkin menanggung perbelanjaan tambahan dalam Dana Sasaran yang di ambil kira sebagai sebahagian daripada pertimbangan strategi pelaburan bagi mencapai prestasi dana.

Tahun	2021	2020	2019	2018	2017	2016	2015	2014	2013	2012
Pretasi Bersih	-6.90%	10.03%	11.21%	-1.40%	11.36%	4.20%	-3.75%	5.93%	-7.13%	11.46%

Nota: Pulangan atas adalah bagi Eastspring Investments - Asian Local bond fund (Class D)

Sumber: Eastspring Singapore, 31 Disember 2021

Pulangan adalah berdasarkan harga unit pihak ketiga, nilai bersih tanpa yuran dengan dividen dilabur, jika ada, dan dilaporkan dalam USD.

Amaran: Ini hanya adalah prestasi dana pelaburan tersebut dan bukan pulangan dari sumbangan yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan itu.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left(\frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right)$$

Risiko-Risiko Pelaburan

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan. Nilai unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk dan tidak terhad kepada:

Risiko Mata Wang

Dana ini berdenominasi dalam MYR, manakala Dana Sasaran mungkin berdenominasi dalam mata wang lain. Prestasi Dana mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang MYR dan mata wang Dana Sasaran. Di mana berkenaan, lindung nilai mata wang atau kelas dana yang melindungi nilai mata wang mungkin digunakan untuk meminimumkan risiko mata wang.

Pelaburan dasar Dana Sasaran atau Sub Dana mungkin berdenominasi dalam mata wang tempatannya, yang mungkin berbeza daripada mata wang Dana Sasaran atau Sub Dana. Prestasi Dana Sasaran atau Sub Dana mungkin dipengaruhi oleh pergerakan kadar penukaran antara mata wang tempatan pelaburan dasar dan mata wang denominasi Dana Sasaran atau Sub Dana.

Risiko Kadar Faedah & Kredit

Pelaburan dalam portfolio pendapatan tetap akan tertakluk kepada risiko-risiko biasa yang wujud dalam pelaburan bon dan sekuriti pendapatan tetap lain. Bon dan sekuriti pendapatan tetap lain adalah tertakluk kepada risiko turun naik kadar faedah dan risiko kredit, seperti risiko kemungkiran oleh penerbit. Pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap adalah tertakluk kepada perubahan yang buruk dalam keadaan kewangan penerbit, atau dalam keadaan ekonomi am, atau kedua-duanya sekali, atau kenaikan kadar

PRULink Asia Local Bond Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2021 melainkan jika dinyatakan

faedah yang di luar jangkaan, yang boleh menjejaskan kemampuan penerbit untuk membuat bayaran faedah dan pokok, terutamanya jika penerbit itu berkeumpulan tinggi. Kemampuan penerbit untuk menunaikan obligasi hutangnya juga boleh terjejas oleh ramalan perniagaan terunjur yang tertentu, atau ketiadaan pembiayaan tambahan. Kemerosotan ekonomi atau kenaikan kadar faedah juga boleh meningkatkan potensi kemungkiran oleh penerbit-penerbit sekuriti ini.

Risiko Portfolio

Dana ini disasarkan kepada pelabur yang boleh menerima risiko-risiko yang dikaitkan dengan melabur terutamanya dalam jenis sekuriti yang dipegang dalam Dana ini. Pelaburan dalam ekuiti akan tertakluk kepada risiko-risiko yang dikaitkan dengan ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti, termasuk turun naik harga pasaran, maklumat penerbit atau maklumat pasaran yang tidak menggalakkan dan hakikat bahawa hak bayaran faedah ekuiti dan berkaitan ekuiti adalah kurang penting berbanding dengan sekuriti korporat lain, termasuk sekuriti hutang. Begitu juga, pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap akan tertakluk kepada risiko yang dikaitkan dengan sekuriti hutang, termasuk risiko kredit dan kadar faedah, dan risiko tambahan yang dikaitkan dengan sekuriti hutang kadar hasil tinggi, penyertaan pinjaman dan sekuriti derivatif. Selain itu, pelabur juga hendaklah menyedari tentang risiko-risiko yang dikaitkan dengan teknik pengurusan aktif yang dijangka digunakan oleh Dana ini.

Risiko Politik dan/atau Kawal Selia

Nilai Harta Terdeposit Dana ini mungkin terjejas oleh ketaktentuan seperti perkembangan politik antarabangsa, perubahan dalam dasar-dasar kerajaan, perubahan dalam percukaian, sekatan ke atas pelaburan asing dan pemindahan keluar mata wang, turun naik mata wang dan perkembangan lain dalam undang-undang dan peraturan di negara-negara yang pelaburan mungkin dibuat. Tambahan pula, infrastruktur undang-undang serta piawai perakaunan, pengauditan dan pelaporan di negara-negara tertentu di mana pelaburan dibuat mungkin tidak menyediakan tahap perlindungan pelabur atau maklumat kepada pelabur yang sama seperti yang biasanya boleh didapati di pasaran-pasaran sekuriti utama.

Sekatan pemilikan asing dalam sesetengah pasaran boleh bermakna bahawa kelayakan tindakan korporat berhubung dengan mana-mana skim pelaburan kolektif atau pelaburan lain yang Dana ini melabur tidak sentiasa dapat diperolehi atau mungkin terbatas.

Risiko Derivatif

Derivatif mungkin digunakan untuk melindungi nilai daripada sebarang risiko yang mungkin dikaitkan dengan melabur dalam Dana Sasaran, seperti, tetapi tidak terhad kepada risiko mata wang.

Dana Sasaran atau Sub Dana mungkin melabur dalam derivatif yang akan tertakluk kepada risiko. Walaupun penggunaan derivatif secara bijaksana oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional boleh mendatangkan manfaat, namun derivatif melibatkan risiko yang berbeza daripada, dan dalam sesetengah hal, lebih tinggi daripada risiko yang terdapat dalam pelaburan sekuriti yang lebih tradisional. Antara risiko yang dikaitkan dengan derivatif ialah risiko pasaran, risiko pengurusan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko keumpulan. Pelaburan dalam derivatif mungkin memerlukan wang pendahuluan atau margin permulaan dan margin tambahan dengan notis yang singkat jika pasaran bergerak berlawanan dengan kedudukan pelaburan. Jika tiada peruntukan dibuat bagi margin yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pelaburan itu mungkin dicairkan pada harga yang merugikan. Justeru itu, pelaburan dalam derivatif perlu sekali diawasi dengan rapi.

Pengurus Dana Sasaran atau Pengurus Sub Dana mempunyai kawalan yang diperlukan bagi pelaburan dalam derivatif dan mempunyai sistem-sistem yang sesuai untuk mengawasi kedudukan derivatif bagi Dana Sasaran atau Sub Dana ini. Pengurus Dana Sasaran atau Pengurus Sub Dana tidak berhasrat untuk menggunakan urus niaga derivatif bagi tujuan spekulasi atau keumpulan tetapi mungkin menggunakannya untuk pengurusan portfolio yang cekap dan/atau pengurusan risiko. Risiko mata wang merupakan salah satu risiko pasaran yang akan dihadapi oleh dana ini dan nilai boleh dilindungi dengan menggunakan derivatif seperti kontrak depan/niaga hadapan pertukaran asing. Selalunya risiko mata wang pendasar mungkin ditanggung akibat membeli ekuiti atau bon pendasar. Jika Pengurus Dana Sasaran atau Pengurus Sub Dana tidak mahu menanggung risiko mata wang yang dikaitkan dengan aset pendasar ini, Dana Sasaran atau Sub Dana ini boleh menggunakan kontrak Depan Pertukaran Asing untuk melindungi nilai sebarang risiko mata wang yang timbul daripada pemegangan kedudukan mata wang bukan asas. Pada dasarnya, penggunaan kontrak depan mata wang ini ialah untuk melindungi nilai dana daripada risiko mata wang dalam Dana Sasaran atau Sub Dana.

Risiko Premium

Apabila Dana ini membeli atau menilai sekuriti dalam pasaran atas kaunter, tiada jaminan bahawa Dana ini akan dapat merealisasikan sekuriti tersebut dengan premium disebabkan sifat pasaran atas kaunter.

PRULink Asia Local Bond Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2021 melainkan jika dinyatakan

Pertimbangan Kaunterparti dan Penyelesaian

Dana ini juga boleh terdedah kepada risiko kredit ke atas pihak-pihak yang dengannya ia berurus niaga sekuriti, dan mungkin juga menanggung risiko kemungkiran penyelesaian, terutamanya berkaitan dengan sekuriti hutang seperti bon, nota dan obligasi atau instrumen hutang seumpamanya. Pelabur juga hendaklah maklum bahawa mekanisme penyelesaian dalam pasaran baru muncul biasanya kurang maju dan kurang boleh dipercayai berbanding dengan mekanisme penyelesaian di negara-negara yang lebih maju dan sehubungan itu meningkatkan risiko kemungkiran penyelesaian, yang boleh mengakibatkan kerugian besar bagi Dana ini berhubung pelaburan di pasaran baru muncul. Pelabur juga hendaklah maklum bahawa sekuriti syarikat-syarikat permodalan kecil serta sekuriti syarikat-syarikat yang bermastautin di pasaran baru muncul adalah kurang cair dan lebih meruap berbanding dengan pasaran saham yang lebih maju dan ini boleh mengakibatkan turun naik dalam harga Unit.

Perkara di atas tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko lengkap yang sepatutnya diambil kira oleh pelabur berpotensi sebelum melabur di dalam Dana. Pelabur berpotensi sepatutnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain yang bersifat luar biasa dari semasa ke semasa.

Pengurusan Risiko

Pengurus Dana mempunyai pengurusan risiko dan kawalan pematuhan untuk mengurus risiko-risiko:

a) Pematuhan Sebelum Perdagangan

Di mana-mana yang mungkin, semua aktiviti-aktiviti Instrumen Kewangan Derivatif (FDI) dan pendedahan-pendedahan diawasi dengan suatu system pematuhan sebelum perdagangan bagi kesemua perniagaan itu. Peraturan-peraturan dan garis panduan ditetapkan dalam sistem supaya pelanggaran yang mungkin berlaku boleh dikenal pasti sebelum suatu perdagangan dibuat. Satu proses "escalate" di buat untuk memastikan bahawa parti-parti yang terlibat diberitahu apabila suatu isu buruk berpotensi menjadi.

b) Risiko Portfolio

Pengurus Dana akan menggunakan teknik kuantitatif untuk mengenal pasti kesesuaian menggunakan FDI. Kumpulan pelaburan akan menggunakan beberapa cara untuk membina portfolio dan mengendalikan analisis risiko yang melibatkan sifat-sifat risiko/pulangan. Kumpulan pelaburan akan mengenal pasti, mengurus dan mengawas risiko pelaburan dengan matlamat mencapai objektif Subdana.

c) Risiko Kounterparti

Pengurus Dana mempunyai pengurusan risiko kredit dan prosedur kawalan untuk menaksir, mengawas dan lingkungan kredit dan risiko kounterparti bagi semua kelas aset dan bes pelanggan. Kajian semula kounterparti dibuat selalu untuk mentaksir mana-mana perubahan dalam nilai kredit dan kemampuan untuk mencapai kewajipan kontraknya.

d) Risiko Kesilapan

Tambahan pula, Pengurus Dana mempunyai kumpulan risiko pelaburan bebas yang bekerja dengan setiap kumpulan pelaburan untuk memastikan bahawa semua kawalan risiko yang perlu dan metriks risiko ditempatkan. Kumpulan risiko pelaburan akan membuat laporan kepada jawatankuasa daerah yang mempunyai tanggungjawab untuk memastikan setiap unit perniagaan menjalankan operasi mengikut polisi pengurusan risiko dan rangkaian yang disediakan.

Pengurus Dana akan memastikan bahawa pengurusan risiko dan tatacara pematuhan dan kawalan yang diambil adalah mencukupi dan ia mempunyai kepakaran untuk mengawal dan mengurus risiko-risiko berkaitan dengan penggunaan FDI.

Pengurus Dana mungkin menukarkan pengurusan risiko dan tatacara pematuhan dan kawalan yang diambil dari masa ke semasa untuk kebaikan Subdana.

PRULink Asia Local Bond Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2021 melainkan jika dinyatakan

Maklumat Lain

<ul style="list-style-type: none">• Pasaran Sasaran	<ul style="list-style-type: none">• Pelabur yang mencari pengaliran pendapatan yang stabil• Tahap toleransi risiko yang rendah ke sederhana.• Pengalaman pelaburan dalam jangkamasa sederhana ke panjang.
<ul style="list-style-type: none">• Dasar & Kekekapan Tarikh Penilaian	<ul style="list-style-type: none">• Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.• Harga unit bagi dana PRULink Global tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.• Nilai Dana ialah nilai semua aset dana PRULink Global selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyenggara, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.• Syarikat akan menilai dana-dana PRULink Global tersebut pada akhir hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walaubagaimanapun, nilai dana-dana PRULink Global yang dilaburkan dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrumen pasaran wang pada akhir suatu Tarikh Penilaian hanya akan diketahui satu hari perniagaan nanti. Harga Unit dana PRULink Global akan ditentukan oleh Syarikat pada suatu Tarikh Penilaian hanya akan dibuat dan diberitahu kepada Orang Diinsuranskan selepas 2 hari perniagaan nanti (T+2).• Untuk mendapatkan balik kos memperolehi dan membuang aset-aset, pembedaan kos urus niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.
<ul style="list-style-type: none">• Keadaan-keadaan Luar Biasa	<ul style="list-style-type: none">• Syarikat tidak dipaksa untuk menebus atau menukar pada Hari Penilaian lebih daripada 10% dana PRULink Global yang lebih pada suatu Hari Penilaian• Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan atau penebusan aset mana-mana dana PRULink Global yang luar biasa besarnya dalam jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.• Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbit dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/ dari mana-mana dana PRULink Global. <p>Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</p>